



CARA-CARA MENGAWAL JANGKITAN CACING

4. Masakkan semua makanan dengan sempurna.



1. Gunakan tandas yang sempurna untuk pembuangan najis.




2. Bersihkan semua buah-buahan dan sayur-sayuran sebelum dimakan.



3. Cuci tangan dengan air yang bersih dan sabun selepas ke tandas, sebelum makan dan menyediakan makanan.



5. Kuku hendaklah dipotong pendek.




6. Pakailah kasut atau selipar semasa berjalan.



7. Dapatkan rawatan jangkitan cacing di klinik desa/pusat.

JANGKITAN CACING


MEMBAHAYAKAN KESIHATAN




APAKAH JANGKITAN CACING?

Jangkitan cacing ialah sejenis penyakit yang BOLEH BERJANGKIT dari seorang ke seorang yang lain.

TIGA JENIS CACING YANG BIASA MENYERANG MANUSIA



Cacing
gelang



Cacing
kerawit




Cacing
rambu

SIAPAKAH YANG MENJADI MANGSA JANGKITAN CACING?

SEMUA orang, TERUTAMA KANAK-KANAK boleh mendapat jangkitan cacing.

CARA-CARA BERJANGKIT

- i. Telur cacing terdapat di dalam najis.





- ii. Telur cacing menetas di atas tanah dalam masa 7 – 8 hari.

Anak cacing mencari mangsa baru.

- iii. Cacing MEMASUKI BADAN KITA apabila:



1. Berjalan tanpa memakai kasut atau selipar.




2. Anak cacing melekat di kuku jari. Anak cacing ditelan apabila kita makan tanpa mencuci tangan terlebih dahulu.



3. Anak cacing melekat di daun sayur. Anak cacing ditelan bersama sayur yang tidak dibersihkan dan tidak dimasak dengan sempurna.

AKIBAT JANGKITAN CACING



Cacing menyerang usus manusia dan menghisap darah serta makanan di dalam usus.

AKIBATNYA!!!

Mangsa jangkitan cacing akan KEKURANGAN DARAH, KEKURANGAN ZAT MAKANAN, CIRIT BIRIT, SENTIASA MERASA LETIH dan LEMBAB DALAM PELAJARAN, SEMAKIN KURUS dan SENTIASA SAKIT.

